

KERTAS MODEL SPM EKSTRA

KERTAS 1 (1103/1)

Skor

/100

1. Kertas ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawab soalan dalam **Bahagian A** dan **satu soalan** daripada **Bahagian B**.

Dua jam

BAHAGIAN A

[30 markah]

Soalan ini **mesti** dijawab.

Grafik dan petikan di bawah menunjukkan maklumat berkaitan dengan perpustakaan di Malaysia. Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang **ciri-ciri perpustakaan yang baik**. Panjangnya huraian anda hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan**.



Lebih daripada 600 000 orang rakyat Malaysia mengunjungi Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) secara maya setakat bulan Ogos lalu berbanding dengan 29 716 orang berkunjung secara fizikal. Jumlah ini sekali gus menunjukkan minat rakyat terhadap aktiviti membaca masih tinggi, namun kebanyakannya memilih bahan bacaan secara digital. Malah, perpustakaan pada zaman ini bukan seperti dahulu, sebaliknya dilengkapi dengan kemudahan Wi-Fi, komputer meja, ruang santai, kafe, bilik perbincangan, dan sebagainya.

Sumber: *Utusan Malaysia*, 7 Oktober 2022

BAHAGIAN B

[70 markah]

Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan.

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

1.

Bersempena dengan Tahun Melawat Melaka 2024, semua 182 orang usahawan kraf di Melaka disarankan agar mempromosikan dan memperbanyak produk keluaran beridentitikan negeri. Contohnya, menggunakan motif bunga rasmi negeri Melaka, iaitu bunga kesidang pada produk kraf tangan yang dihasilkan.

Selain itu, terdapat banyak motif lain yang boleh digunakan seperti tangga Melaka, roda kereta lembu, dan cucuk sanggul.

Sumber: *Dewan Budaya*, Bil. 12/2023

Huraikan cara yang terdapat dalam petikan di atas berserta cara-cara lain untuk memajukan produk kraf tangan yang terdapat di Malaysia.

2.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memandang serius terhadap isu keselamatan warganya bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung dengan baiknya. Pada masa yang sama, pihak sekolah disarankan supaya memasang lebih banyak kamera litar tertutup bagi meningkatkan keselamatan persekitaran sekolah.

Selain itu, peralatan pemadam api mestilah mencukupi dan mempunyai pelan kecemasan jika berlaku kebakaran. Semua ini penting bagi menjamin keselamatan warga sekolah.

Sumber: *Dewan Masyarakat*, Bil. 12/2023

Sediakan teks ucapan yang berfokuskan ciri-ciri sekolah selamat semasa perhimpunan mingguan di sekolah anda.

3.

Sukan teqball merupakan sukan yang menjadi platform kepada rakyat Malaysia untuk membanteras gejala tidak sihat, semangat bekerjasama dalam satu pasukan, dan mampu mengurangkan masalah stres. Oleh itu, Persatuan Teqball Malaysia sedang merancang untuk mengembangkan sukan teqball di sekolah seluruh Malaysia dan mula menganjurkan kejohanan tempatan pada tahun 2024.

Sumber: *Dewan Masyarakat*, Bil. 10/2023

Huraikan manfaat-manfaat sukan selain yang dinyatakan dalam maklumat di atas.

4.

Bidang pertanian menjadi isu yang sering diperkatakan terutama melibatkan kekurangan bekalan makanan asas seperti nasi dan ayam mentah. Contohnya, krisis beras yang melanda dunia pada tahun 2008 dan kebergantungan tinggi terhadap import beras menjadi isu yang semakin serius. Usaha kerajaan untuk meningkatkan hasil dalam bidang pertanian dengan memberikan suntikan modal dan latihan tidak akan berhasil sekiranya tidak disambut oleh golongan muda.

Sumber: *Dewan Ekonomi*, Bil.9/2023

Huraikan peranan pelbagai pihak dalam memupuk minat golongan muda terhadap bidang tersebut.

KERTAS 2 (1103/2)

1. Kertas ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawab soalan dalam **Bahagian A** dan **satu** soalan daripada **Bahagian B**.

Dua jam tiga puluh minit

BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

[35 markah]

1. Baca petikan di bawah dengan telitinya. Kenal pasti dan senaraikan **empat akronim**. Kemudian, bina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap **akronim** tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Kerjasama antara Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dengan Jabatan Kerja Raya (JKR) diteruskan lagi dengan Majlis Penyerahan Projek Siap bagi Kerja Gantian Penuh dan Naik Taraf Sistem Mekanikal, Elektrikal, dan Pencegahan Kebakaran (Fasa 1) di Kompleks DBP Hulu Kelang, Selangor. Kerjasama ini diadakan bagi menambah baik infrastruktur dan aspek keselamatan Kompleks DBP di Hulu Kelang. Naik taraf ini penting bagi memastikan keselamatan bangunan meskipun purata kebakaran bangunan melibatkan tempat kerja menurut Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) masih di bawah tahap yang membimbangkan.

Dipetik dan diubah suai daripada 'DBP dan JKR Jalinkan Kerjasama Strategik dalam Kerja Gantian dan Naik Taraf Sistem M&E' oleh Syafiqah Abdul Khalid, Dewan Masyarakat, 19 Januari 2024

[8 markah]

2. Baca petikan di bawah dengan telitinya. Kemudian, nyatakan **jenis ayat** yang bergaris sama ada **ayat penyata**, **ayat tanya**, atau **ayat perintah**. Anda perlu menyalin ayat itu semula dan menyatakan jenisnya.

Adakah menulis puisi masih relevan pada masa ini? Menjawab persoalan ini satu bengkel Asas Menulis Puisi telah diadakan di Kolej Matrikulasi Pahang (KMP). Bengkel ini telah dihadiri oleh 100 orang pelajar KMP. Bengkel ini dianjurkan bagi mengembangkan kegiatan sastera dan persuratan dalam kalangan pelapis muda di Pahang. Anak muda perlu melibatkan diri dalam dunia sastera dan persuratan agar warisan ini tidak hilang ditelan zaman. Di samping itu, bengkel ini juga bertujuan untuk mendekatkan anak muda dengan sastera, sekali gus meningkatkan tahap penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan murid. Syabas, inisiatif sebegini mampu terus memartabatkan bahasa Melayu! Diharapkan agar bengkel seumpama ini terus mendapat sambutan di seluruh tanah air.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Bengkel Asas Menulis Puisi Dekatkan Sastera dengan Anak Muda' oleh Nasrul Isyam Abdul Hamid, Dewan Bahasa, 15 Januari 2024

[6 markah]



3. Bahan-bahan di bawah mengandungi **pelbagai kesalahan bahasa**. Kenal pasti, senaraikan, dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin bahan-bahan tersebut.

Bahan 1

Latihan industri menjadi keperluan wajib bagi kebanyakan bidang pengajian di institusi pengajian tinggi. Latihan industri memberi peluang kepada pelajar untuk melalui pengalaman berada dalam organisasi sebagai seorang pekerja, mendapat peluang untuk pengaplikasian pengetahuan dan kemahiran yang telah dipelajari secara teori di campus kepada dunia pekerjaan sebenar. Tempoh latihan industri biasanya berlangsung selama dua hingga enam bulan. Dalam tempoh ini, pelajar belum berada sepenuh masa di lokasi latihan industri untuk menjalankan tugas mengikut bidang mereka. Sepanjang tempoh beberapa bulan ini pelatih akan diberikan elaun sebagai ganjaran untuk mereka kerana turut sama menyumbang tenaga kepada organisasi.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Kewajaran Elaun bagi Pelatih Industri' oleh Norfaezah Md Khalid, *Dewan Ekonomi*, 2 Ogos 2023

[6 markah]

Bahan 2

JAWATAN KOSONG PEMBANTU PENGURUS (KEWANGAAN)

Syarat dan Kelayakan

1. Warga negara Malaysia.
2. Berumur 20 tahun ke 30 tahun.
3. Kelayakan minimum diploma/ijazah dalam bidang perakaunan/kewangan.
4. Berkemahiran dalam Microsoft Office.
5. Mampu berkomunikasi dalam Bahasa Melayu dengan baik.

Jemput kemukakan resume yang lengkap melalui e-mel.

Bidang Tugas

- Menguruskan baucar pembayaran.
- Merekodkan perbelanjaan syarikat.
- Menyediakan esei perbelanjaan syarikat.

[5 markah]

4. Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan telitinya. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu standard** tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.

Pada hati baginda, "Adapun Tun Perak ini tidaklah patut jadi bentara lagi, patut menjadi Perdana Menteri." Maka digelar baginda Paduka Raja, disuruh duduk di seri balai setara Seri Nara Diraja. Maka Paduka Raja pun naiklah duduk dekat Seri Nara Diraja di seri balai, maka Seri Nara Diraja berkisar ke tengah.

Dipetik daripada 'Burung Terbang Dipipiskan Lada' dalam antologi *Sejadah Rindu*, Kementerian Pendidikan Malaysia

[4 markah]



5. Baca petikan di bawah dengan telitinya. Kemudian, senaraikan **tiga** peribahasa yang sesuai dengan situasi dalam petikan tersebut.

Pada era milenium ini, kecanggihan teknologi di Malaysia semakin pesat membangun. Keadaan ini telah menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan merancakkan pelbagai sektor berasaskan industri terutamanya di bandar-bandar. Kemajuan teknologi yang digunakan dalam sektor pertanian, perindustrian, dan lain-lain telah menjadikan Malaysia setanding dengan negara-negara maju. Oleh itu, sebagai warganegara yang bertanggungjawab, kita seharusnya bekerjasama dan berganding bahu untuk memajukan negara demi kebaikan generasi pada masa hadapan.

[6 markah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

[35 markah]

6. Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan telitinya. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Peribahasa Melayu mengatakan, tangan yang menghayun buaian mampu menggoncang dunia. Kata-kata ini merujuk kepada sifat kelembutan dan keibuan seorang wanita yang disertakan dengan sisi kekuatannya yang lain. Sungguhpun demikian, tangan yang menghayun buaian itu juga mampu melakukan sebaliknya, iaitu kemusnahan yang meretakkan masa depan zuriatnya sendiri.

Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mendedahkan, ibu kandung mencatatkan jumlah peratusan tertinggi sebagai pendera utama kanak-kanak. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Siasatan Seksual, Wanita dan Kanak-kanak (D11) Bukit Aman, Asisten Komisioner Siti Kamsiah Hassan berkata, ibu bapa kandung menjadi pelaku tertinggi kes penderaan dengan 46 peratus meliputi mendera anggota tubuh badan anak menggunakan peralatan seperti rotan, batang kayu, dan getah paip. Hal ini diikuti penderaan yang berlaku yang melibatkan perlakuan pengasuh atau pusat jagaan dengan 27 peratus (2021).

Menurut *National Child Traumatic Stress Network* (NCTSN), kanak-kanak dan remaja yang melalui situasi penderaan sama ada penderaan fizikal, mental, atau emosi boleh terdedah kepada peristiwa traumatik atau *situasi traumatik* yang mengatasi keupayaan mereka untuk menghadapinya. Peristiwa traumatik ini boleh terjadi apabila mangsa mengalami pengabaian, penderaan, dan kekasaran termasuk menyaksikan keganasan dalam rumah atau komuniti.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Penderaan Kanak-Kanak: Ibu Bapa Muda Perlu Urus Tekanan' oleh Azlina@Roszy Mohamad Ghaffar dan Basmin Maarof, *Bernama*, 22 Disember 2023



Bahan 2

PENDERAAN BUKAN SEKADAR FIZIKAL

KENALI KATEGORI PENDERAAN KANAK-KANAK
FIZIKAL, SEKSUAL, EMOSI, PENGABAIAN

1 PENDERAAN SEKSUAL

Menyentuh bahagian sulit kanak-kanak, bersektubuh, sumbang mahram, merogol, meliwat, mendedahkan kemaluan, dan eksploitasi komersil menerusi pelacuran atau produksi bahan-bahan lucah.

SAYA TIDAK SEPATUTNYA DISENTUH SEBEGINI. HENTIKAN!!

TALIAN KASIH : 15999
PELINDUNG : 082-671191

2 PENDERAAN FIZIKAL

Berlaku apabila kekerasan fizikal digunakan terhadap kanak-kanak lalu memudaratkan dan mencederakan kanak-kanak itu.

SAYA BUKAN "PUNCHING BAG" HENTIKAN!!

TALIAN KASIH : 15999
PELINDUNG : 082-671191

PENDERAAN BUKAN SEKADAR FIZIKAL

KENALI KATEGORI PENDERAAN KANAK-KANAK
FIZIKAL, SEKSUAL, EMOSI, PENGABAIAN

3 PENDERAAN EMOSI

Perbuatan memalukan anak, sengaja tidak memberi kasih sayang, menuduh, menakutkan, mengugut, menimbulkan rasa gentar, mendiskriminasikan, mencemuh dan bentuk penyisihan bukan fizikal atau layanan dingin yang lain.

SAYA TIDAK SEPATUTNYA DIPANGGIL SEBEGINI. HENTIKAN!!

TALIAN KASIH : 15999
PELINDUNG : 082-671191

4 PENGABAIAN

Kegagalan memenuhi keperluan asas (makanan, pakaian dan tempat tinggal), keperluan emosi dan perkembangan kanak-kanak (pendidikan, kesihatan, pengawasan).

CUMA 'TEDDY BEAR' MENEMANI SAYA. FIKIRKAN...

TALIAN KASIH : 15999
PELINDUNG : 082-671191

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud rangkai kata *situasi traumatik*. [2 markah]
- (ii) Dengan merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan contoh-contoh perlakuan yang dikategorikan sebagai penderaan. [3 markah]
- (iii) Menurut Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, kes penderaan melibatkan kanak-kanak meningkat kepada 6770 kes pada tahun 2022 berbanding 6144 kes pada tahun 2021.

Pada pendapat anda, apakah peranan pihak kerajaan dalam menangani isu ini?

[4 markah]

- (iv) Anda baru sahaja berpindah dan menyewa di sebuah rumah teres kos rendah di sebuah bandar. Sejak mula berpindah, anda melihat kesan lebam dan kecederaan pada salah seorang anak jiran anda. Selain itu, anak jiran anda itu menunjukkan ciri-ciri kanak-kanak yang mengalami penderaan.

Sebagai jiran yang prihatin dan bertanggungjawab, apakah tindakan-tindakan yang akan anda lakukan bagi membantu anak jiran anda tersebut?

[4 markah]

7. Baca bahan-bahan di bawah dengan telitinya. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Selama ini, Puan Ainun cukup senang berjiran dengan Punita. Dia tidak pernah keberatan untuk menolong Punita. Kalau Punita pulang lambat dan hari nampak seperti hendak hujan, dialah yang menolong Punita mengangkat pakaiannya di ampaian. Kalau sesekali Punita pulang ke Ipoh selama beberapa hari, Puan Ainun jugalah yang ringan tulang menolongnya dengan menyiramkan pokok-pokok bunga di rumah Punita. Dia juga menolong Punita dengan mengawasi rumah jirannya itu agar sentiasa berada dalam keadaan yang selamat.

Sekarang, begini pula balasan Punita terhadap segala kebaikan yang ditaburnya selama ini. Puan Ainun mengetap bibir. Dia bukan mahu bermusuh dengan jiran tetangga.

Dipetik dan diubah suai daripada cerpen 'Budi Semangkuk Daging' oleh Amy Suzaini Ainuddin dalam antologi *Harga Sebuah Lukisan*, Kementerian Pendidikan Malaysia

Bahan 2

Adab Berjiran

Jiran itu bak mutiara
terkadang ia terperosok jauh ke dalam
tetapi nilainya cukup berharga.

Jiran itu sahabat yang hadir tanpa dipinta
sapalah dia dengan lembut untuk menjaga
rasa

hulurkan tangan saat perlu
satukan jiwa dalam membantu
ringankan beban apa-apa termampu
bersama rezeki dikongsi
ukhuwah terjalin kekal harmoni.

Jiran itu umpama keluarga
aib dan malunya usah dijaja
kehormatan jiran wajib dipelihara
tenteram hidup rukun terjaga.

Ku'Muzz

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud rangkai kata *kekal harmoni*. [2 markah]
- (ii) Dengan merujuk **semua bahan**, nyatakan peranan yang perlu dilakukan oleh seseorang individu kepada jirannya. [3 markah]
- (iii) Jiran ialah individu yang tinggal berhampiran di sesebuah kawasan perumahan atau penempatan. Namun demikian, segelintir masyarakat pada hari ini semakin mengabaikan semangat kejiranan dalam kehidupan seharian.

Pada pendapat anda, apakah cabaran yang menyebabkan semangat kejiranan sukar dipupuk dalam kalangan masyarakat hari ini? [3 markah]

- (iv) Jiran anda memelihara beberapa ekor kucing yang dibiarkan bebas dan tidak dikurung di dalam sangkar. Kucing jiran anda sering membuang najis di halaman rumah anda, bahkan pokok bunga dan motosikal di kawasan kejiranan itu juga dirosakkan oleh haiwan berkenaan.

Apakah langkah-langkah yang boleh anda lakukan untuk menyelesaikan masalah tersebut secara penuh berhemah? [4 markah]

8. Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan teks novel Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.

- (i) Baca petikan novel di bawah dengan telitinya. Kemudian, jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Cicipan burung dan bunyi merdu suara cengkerik semakin syahdu pada telinganya. Zahid semakin lali dengan kedamaian persekitaran dengan cara yang unik dan tersendiri. Malam tadi dia begitu lena dibuai muzik abadi daripada derikan serangga pemastautin di situ. Dalam mengelamun, tiba-tiba Zahid terkenang akan kehidupannya semasa berada di luar negara. Kehidupan lampau penuh pesona. Dia teringat akan Flora Steven, gadis lincah seindah dan sesinonim bunga mekar yang didampinginya semasa di kampus. Yuen yang ramah yang ditemuinya di China Town serta Lakshemi dan Nor yang sering keluar bersama-sama semasa duduk di pangsapuri yang sama. Tersenyum bangga Zahid mengimbau komentar rakan sebilik tentang gaya afsunnya yang boleh mencairkan hati gadis. 'Petik jari sahaja,' kata rakan sekolej. Zahid kembang dengan ego dan keegoan terus menjentik jiwa.

Dipetik daripada novel *Tirani* oleh Beb Sabariah,
Kementerian Pendidikan Malaysia

Nyatakan perkara-perkara yang difikirkan oleh Zahid dalam lamunannya. [4 markah]

- (ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (a) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
- (b) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
- (c) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
- (d) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (e) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- (f) Tirani karya Beb Sabariah
- (g) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (h) Silir Daksina karya Nizar Parman

Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, huraikan **satu** peristiwa yang menunjukkan sikap keprihatinan dalam masyarakat. [6 markah]

BAHAGIAN C : RUMUSAN

[30 markah]

9. Baca dan teliti **setiap bahan** yang diberikan, kemudian buat satu **rumusan** yang panjangnya **tidak melebihi 120 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal setiap bahan.

Bahan 1

Tiada sesiapa pun dapat menafikan bahawa kehidupan manusia pada zaman ini harus berdepan dengan ledakan teknologi yang jika tidak diambil peduli, maka akan dikatakan “ketinggalan zaman” dan tercicir dari landasan teknologi terkini. Menyedari keadaan semasa yang sudah dihambat dengan kemajuan teknologi terutamanya dalam teknologi Kecerdasan Buatan (*Artificial Intelligence* atau AI) yang meresapi budaya dan mempengaruhi gaya hidup, kerajaan telah melancarkan program teknologi digital untuk rakyat yang merupakan program pembelajaran sendiri secara dalam talian yang direka untuk meningkatkan kesedaran orang ramai tentang teknologi digital.

Selaras dengan aspirasi kerajaan agar rakyat celik teknologi digital, maka penambahbaikan infrastruktur pendigitalan oleh kerajaan merupakan suatu inisiatif untuk memupuk pertumbuhan ekonomi digital. Seajar dengan hal itu, maka teknologi digital diyakini dapat memacu Malaysia membina ekonomi digital yang menepati teknologi masa hadapan dan membolehkan negara menjana nilai ekonomi yang lebih tinggi di persada dunia.

Selain itu, teknologi digital juga dibayangkan sebagai sebuah jambatan yang menghubungkan setiap individu kepada dunia yang penuh dengan peluang tanpa mengira latar belakang atau keadaan. Penguasaan yang tinggi dalam bidang teknologi digital juga berupaya untuk membuka peluang pekerjaan kepada masyarakat. Kebijaksanaan menggunakan kemahiran dalam bidang teknologi digital ini juga dapat membantu masyarakat menjana peluang pendapatan tambahan melalui pekerjaan sampingan seperti perkhidmatan menyunting gambar dan video yang semakin popular dijalankan menerusi dalam talian.

Oleh itu, jelaslah bahawa transformasi pendigitalan dalam pelbagai urusan kehidupan manusia pada masa ini akan menjadi salah satu anjakan paradigma dan melahirkan masyarakat Malaysia menuju negara maju sekali gus berdiri sama tinggi, duduk sama rendah persis negara maju yang lain seperti Jepun dan Amerika Syarikat.

Dipetik dan diubah suai daripada ‘AI untuk Rakyat: Mencipta Minda Digital’
oleh Nurul Julia Alani Henry, *Dewan Masyarakat*, 23 Januari 2024



Bahan 2

TEKNOLOGI DIGITAL

Variasi teknik pemasaran yang lebih interaktif dan mempunyai visual yang menarik



Membanding beza dan mengakses maklumat dan lebih mudah dan cepat



Meluaskan pasaran bagi aktiviti jual beli dalam talian



Meningkatkan peratus jualan



Bahan 3

PANTUN TEKNOLOGI

Berburu di hutan mencari kancil,
Tertumpah air dari bejana;
Teknologi dipupuk sedari kecil,
Institusi sekolah medan laksana.

Buku diselak seisi lembaran,
Dibaca tekun minta bitara;
Manfaat teknologi disebar kerajaan,
Kempen dijana seisi negara.

Ku'Muzz